



# Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

## NOTIS PEMBERITAHUAN

### PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA KE-140 BERTARIKH 17 DISEMBER 2025 BERKAITAN PEMBEKUAN LESEN KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-140 yang diadakan pada 17 Disember 2025 telah meluluskan keputusan untuk **MENGEKALKAN** pembekuan permohonan lesen baharu kategori DF *kecuali* bagi tujuan pertukaran taraf perniagaan dan pengambilalihan syarikat dengan mengekalkan nama pemilik yang sama. Cadangan pembekuan ini juga disusuli dengan kriteria permohonan lesen kategori DF yang berkuatkuasa 1 Januari 2026. (Rujuk Panduan dan Kriteria Permohonan Lesen)

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga ke-140, sebarang permohonan pindaan butiran lesen yang melibatkan pindah premis dalam negeri yang sama adalah **tertakluk kepada kriteria dan polisi pelesenan serta prosedur operasi standard (SOP) yang sedang berkuatkuasa.**

Sekian, harap maklum.